

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.  
KADIR [ SETIU ]**

**TARIKH : 9 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mengasah bakat kepimpinan wanita untuk memastikan lebih ramai golongan wanita bersedia untuk memimpin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan pelbagai program pembangunan kapasiti bagi mengasah bakat, kemahiran dan ciri-ciri kepimpinan untuk golongan sasaran iaitu wanita.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 202 program kepimpinan telah dilaksanakan yang memanfaatkan seramai 100,923 peserta. Program-program yang dilaksanakan adalah berbentuk latihan, advokasi dan pendedahan bagi memberi kesedaran dan meningkatkan kemampuan wanita mempengaruhi keputusan berkaitan interaksi sosial. Antara program-program utama kepimpinan wanita yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

**1) Forum Kepimpinan Kendiri: Bangkit Sendiri**

- Tujuan forum ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan aspek kepimpinan dan perlunya wanita bangkit untuk mendepani sebarang cabaran dalam kehidupan mereka.

**2) Simposium Wanita Dalam Pengajian Tinggi**

- Dilaksanakan dengan kerjasama JPW dengan pihak Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia (IPPTN, USM)
- Tujuan simposium ini dianjurkan adalah bagi menyediakan medium bagi golongan wanita untuk membincangkan dan berkongsi pandangan, idea atau inovasi mengenai isu dan trend semasa yang berkaitan dengan era disruptif, kelestarian dan kepimpinan dalam pendidikan tinggi. Selain itu, simposium ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta untuk membina jaringan kerjasama dan mendorong perbincangan mengenai isu-isu golongan wanita mengenai kepimpinan, kebolehpasaran dan kesaksamaan di Institut Pengajian Tinggi.

**3) Konvensyen Pemimpin Muda 2021 (KPM 2021)**

- Tujuan program dilaksanakan adalah bagi mengumpulkan input untuk penambahbaikan agenda pemerkasaan wanita daripada pemimpin muda dari pelbagai latar belakang di Malaysia. Input dan maklum balas daripada para pemimpin muda ini dijadikan rujukan untuk penggubalan dasar di masa hadapan.
- 300 peserta telah menyertai program ini dan fokus perbincangan adalah berdasarkan kepada enam kluster iaitu:
  - i. Pekerjaan dan Penjanaaan Pendapatan;
  - ii. Pendidikan dan Kesaksamaan Gender;
  - iii. Kepimpinan dan Politik;
  - iv. Kesihatan;
  - v. Keselamatan; dan
  - vi. Perundangan.
- Peserta KPM 2021 terdiri daripada pemimpin muda daripada Universiti Awam, Universiti Swasta, serta wakil-wakil daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan.

**4) Program Pemerkasaan Gender dan Kepimpinan Wanita Muda & Wanita Berkerjaya**

- Program ini diadakan sepanjang tahun melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri.
- Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi inspirasi kepada wanita muda dan wanita berkerjaya mengenai teknik kepimpinan, meningkatkan kebolehpasaran wanita muda untuk menduduki kerusi lembaga pengarah dalam sektor korporat dan kebolehpayaan wanita sebagai pembuat keputusan dalam pelbagai bidang.

**5) Belanjawan 2022**

- Dalam Belanjawan 2022, kerajaan juga telah memperuntukkan RM5juta kepada Yayasan Kepimpinan Wanita bagi menjalankan latihan kepimpinan muda.

Program-program kepimpinan akan diteruskan pada tahun ini juga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJAH  
AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA  
HAJI MOHD DUN [ BEAUFORT ]**

**TARIKH : 9 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat ini berapa peratus penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan di sektor Kerajaan dan swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menyokong usaha meningkatkan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan di sektor Kerajaan dan swasta.

Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), peratus penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas telah meningkat daripada 38.2% pada tahun 2020 ke 38.8% bagi tahun 2021.

Bagi sektor swasta, data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang merangkumi Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad (Termasuk Syarikat Tersenarai Awam dan Syarikat Tidak Tersenarai Awam) di pelbagai sektor menunjukkan bilangan wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah telah meningkat daripada 26% pada tahun 2020 kepada 27% pada tahun 2021.

Usaha Kerajaan untuk meningkat penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan di sektor swasta diteruskan dengan pengumuman Bajet 2022 yang mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi semua syarikat tersenarai awam yang akan berkuat kuasa pada 1 September 2022 untuk syarikat bermodal besar, dan 1 Jun 2023 untuk syarikat tersenarai yang lain. Inisiatif ini akan diselaraskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

KPWKM sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam menyokong penglibatan wanita secara produktif agar lebih ramai wanita terlibat sebagai pembuat keputusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN SU KEONG SIONG  
[ KAMPAR ]**

**TARIKH** : **9 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keberkesanan dan rasional pelaksanaan JKMPay untuk pembayaran elaun bulanan OKU (EPOKU). Apakah cadangan Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul akibat pelaksanaan JKMPay tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan satu inisiatif baru iaitu **projek Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (Cashless) atau dikenali sebagai JKMPay**. Projek ini berstatus **PROJEK RINTIS** dilaksanakan ke atas **penerima bantuan kelulusan baharu sahaja dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada**. Skim bantuan kewangan yang terlibat adalah semua skim bantuan bulanan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan berikut :

- i) **Memperluaskan mekanisme kaedah pembayaran** bantuan kewangan JKJ melalui kaedah bayaran ke bank dan juga kaedah tanpa tunai;
- ii) **Membantu penerima bantuan untuk mengurus dan mengawal perbelanjaan** wang bantuan secara berhemah dan bermanfaat;
- iii) **Memastikan penerima bantuan dapat memenuhi keperluan asas harian** khususnya melibatkan keperluan makan, minum, ubat-ubatan asas dan keperluan harian rumah;
- iv) **Memperkuatkan kolaborasi di antara Kerajaan dan pihak swasta** dalam meningkatkan perkhidmatan agensi di bawah kementerian;
- v) Menyokong ke arah **mewujudkan masyarakat digital selaras dengan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia 2021** dan Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam melalui kerjasama Sektor Korporat :
- vi) **Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam** dalam menyediakan kaedah pembayaran tanpa tunai sebagai pilihan kaedah transaksi yang lebih berkesan dalam perkhidmatan yang di tawarkan; dan



- vii) **Menggalakkan penglibatan penerima bantuan dalam transaksi digital** agar tidak ketinggalan dalam era digital.

Di samping itu, projek ini juga sejajar dengan hala tuju baharu bantuan sosial di bawah Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang memfokuskan agar semua bantuan di masa hadapan hendaklah **bersyarat, mempunyai Dasar Pemisah (*Exit Policy*) yang jelas dan kesegeraan dalam pengagihan/pemprosesan bantuan.**

JKMPay telah dilaksanakan secara rintis mulai bulan Februari 2021. Setiap lokasi projek rintis dilaksanakan, Kementerian **telah melakukan kunjung hormat dan libat urus bersama Kerajaan Negeri** bagi menjelaskan mengenai projek rintis ini. **Peserta-peserta juga telah diberikan taklimat** bagi penggunaan kad dan aplikasi agar mereka memahami konsep tanpa tunai dan bagi membimbing mereka dalam penggunaan JKMPay. **Sehingga Februari 2022 sejumlah 4,752 peserta dari 6 negeri dan 23 daerah** terlibat iaitu Perlis (693 peserta), Kedah (2,661 peserta/semua daerah [12 daerah]), Melaka (924 peserta/semua daerah [3 daerah]), Terengganu (255 peserta [3 daerah]), Kelantan (180 peserta [2 daerah]) dan Selangor (39 peserta [2 daerah]).

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, projek rintis ini hanya dilaksanakan kepada **PENERIMA BAHARU** bantuan bulanan JKM sahaja manakala 519,409 penerima bantuan bulanan sedia ada masih kekal menerima bantuan bulanan melalui bayaran ke akaun bank. **Penerima baharu juga kekal menerima kesemua jumlah keseluruhan bantuan yang diluluskan secara 100%**. Sebagai contoh, bagi seorang OKU penerima Elaun Pekerja OKU (EPOKU) yang melepasi syarat kelayakan bekerja dengan pendapatan di bawah RM1,500 sebulan, akan layak menerima bantuan EPOKU berjumlah RM450 sebulan. Sekiranya gaji penerima berjumlah RM1,300 dan ditambah EPOKU berjumlah RM450 yang dibayar 50% melalui bank atau RM225 dan 50% atau RM225 secara JKMPay, maka penerima masih mempunyai baki berjumlah RM1,525 secara tunai di bank dan masih boleh digunakan bagi

tujuan kegunaan pelbagai seperti bayaran sewa rumah, tambang pengangkutan, pembelian secara atas talian dan lain-lain.

Manakala 50% (RM225) bayaran secara tanpa tunai di Kad JKMPay ini boleh digunakan oleh penerima untuk melaksanakan pelbagai transaksi seperti berikut:

1. Membuat transaksi tanpa tunai di mana-mana kedai runcit, kedai farmasi, kedai makan yang menyertai program tanpa tunai. Semua barangan di dalam kedai berkenaan boleh dibeli seperti:
  - i) Semua jenis keperluan bahan makan dan minuman seperti beras, gula, sayuran, minyak, ikan, ayam, sardin dan lain-lain;
  - ii) Barang keperluan kegunaan harian seperti lampin bayi, tuala wanita, bahan pencuci dan lain-lain; dan
  - iii) Keperluan ubat-ubatan dan alatan berkaitan ubatan.
2. Melaksanakan transaksi bagi pembayaran semua bil dan utiliti berkaitan;
3. Membuat pembelian tambah nilai (*top-up*) perkhidmatan telefon; dan
4. Hanya transaksi bagi pembelian rokok dan minuman beralkohol adalah dilarang bagi mengelakkan pengambilan barang yang tidak sihat menggunakan JKMPay.

Malahan baki atau lebih duit yang ada dalam akaun JKMPay juga **tidak akan luput**, dan akan dibawa ke bulan berikutnya. Bagi peserta program yang mahir menggunakan aplikasi telefon di **jkmpay.my**, pelbagai menu aplikasi secara atas talian boleh digunakan seperti memantau perbelanjaan harian, membuat semakan baki, membayar bil dan utiliti, membeli *top-up* tanpa perlu keluar ke kedai dan melihat senarai kedai berdekatan yang boleh diakses pandu arah melalui Maps. Kementerian amat sedar mengenai keperluan asas penerima khususnya golongan OKU untuk menggunakan duit bantuan yang diperolehi setiap bulan. JKMPay tidak bertujuan untuk menyekat mana-mana hak kebebasan OKU untuk berbelanja. Apa yang diwujudkan adalah **mekanisme atau kaedah berbelanja ditambah atau diperluaskan** lagi di mana selain daripada perbelanjaan tunai, penerima boleh melaksanakan perbelanjaan secara tanpa tunai. Malahan melalui kaedah tanpa tunai ini, **tiada caj tambahan atau fi transaksi dikenakan** berbanding sebagaimana caj RM1 boleh dikenakan jika mengeluarkan duit melalui mesin ATM.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga **Februari 2022**, terdapat sejumlah **397 kedai aktif** dalam projek ini manakala **250 kedai (baharu) lain** telah memohon dan berminat untuk terlibat dalam projek ini. Kementerian sedang berusaha memperbanyakkan kedai-kedai untuk memberi kemudahan kepada penerima bantuan. **Malahan penerima bantuan juga boleh mencadangkan kedai/premis bersesuaian bagi mengikuti program ini.** Cadangan ini boleh disalurkan oleh peserta melalui 4 kaedah iaitu Telegram *group* peserta, Call-Centre 1-300-88-7977, aplikasi telefon Me12Pay dan juga melalui e-mel [info@me12pay.com](mailto:info@me12pay.com).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mendapati bahawa melalui projek JKMPay ini, telah digunakan oleh penerima bantuan dengan sebaiknya bagi memenuhi keperluan asas mereka. Sehingga **Februari 2022**, sebanyak **RM4.18 juta** telah dibelanjakan oleh peserta bagi tujuan pembelian **keperluan makan/minum iaitu 80.8% atau RM3.37 juta; 16.2% atau RM678 ribu bagi pembelian keperluan rumah** seperti lampin bayi, tuala wanita, sabun pencuci dan lain-lain. **2.3% atau RM96 ribu bagi keperluan lain** seperti pembayaran bil & utiliti, *top-up* dan **0.7% atau RM29 ribu dibelanjakan bagi tujuan pembelian ubat-ubatan.** Ini menunjukkan bahawa program ini memberi impak yang baik dan manfaat kepada peserta dalam memenuhi keperluan asas mereka.

Projek ini bukan sahaja membantu penerima bantuan malahan ia dapat mewujudkan prasarana ekonomi yang baik di kalangan pekedai runcit dan kedai-kedai kecil di seluruh negara. Antara manfaat yang diperolehi adalah :

- 1) Membantu penerima bantuan mengurus dan mengawal perbelanjaan wang bantuan secara berhemah;
- 2) Menjamin peruntukan perbelanjaan keperluan makan minum dan keperluan asas penerima bantuan dan ahli isi rumah tersedia pada setiap bulan;

- 3) Kaedah perbelanjaan tanpa tunai lebih selamat berbanding perbelanjaan secara tunai dan sesuai dengan situasi semasa;
- 4) Lokasi kedai yang berdekatan dengan penerima bantuan.;
- 5) Baki bantuan tidak lupus dan boleh dibawa ke bulan seterusnya; dan
- 6) Program ini fleksibel dan boleh diubah dari masa ke semasa berdasarkan keperluan Jabatan dan penerima bantuan.

Usaha-usaha penambahbaikan juga telah mula dilaksanakan oleh Kementerian melalui pendekatan berikut:

- 1) **Sesi Libat Urus bersama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) telah diadakan pada 24 dan 25 Februari 2022** di Dewan Perdana Nur, KPWKM bagi memberi maklumat yang lebih jelas mengenai JKMPay;
- 2) **Mempelbagaikan platform pembayaran digital** (pembelian secara *online*, pembayaran bil, tambah nilai kad prabayar);
- 3) **Menyediakan senarai Direktori Pekedai di setiap Daerah Rintis** dan dipaparkan di laman *web*, Sosial media KPWKM dan JKM serta di aplikasi ME12PAY; dan
- 4) **Menambah bilangan pekedai termasuk farmasi, klinik, kedai makan dan perkhidmatan penghantaran dari masa ke semasa.**

Memandangkan pendigitalan penyampaian perkhidmatan ini merupakan agenda masa depan negara, Kementerian akan memastikan usaha penambahbaikan projek rintis ini sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa. Satu kajian menyeluruh akan diadakan bagi memastikan suatu hala tuju dan dasar berkaitan projek ini dapat ditentukan. Dalam tempoh tersebut, projek ini **akan kekal berstatus projek rintis** di lokasi sedia ada dan belum diperluaskan ke negeri/daerah lain sehingga laporan kajian dinyatakan dibentangkan. Kementerian sentiasa mengalu-alukan dan membuka peluang kepada semua pihak untuk memberikan pandangan dan juga cadangan dalam menambahbaik pelaksanaan program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI  
HAJI ABDUL KARIM [ BATANG LUPAR ]**

**TARIKH : 9 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Hajah Rohani Binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status laporan Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) yang akan dibentangkan pada bulan Mac 2022.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, *Convention On The Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) atau Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita merupakan satu perjanjian antarabangsa yang bertujuan untuk memberikan hak yang sama rata kepada wanita dengan cara menghapuskan diskriminasi jantina, menamatkan keganasan terhadap wanita dan memperkukuh hak wanita.

Malaysia telah mengemukakan Laporan Berkala Ketiga hingga Kelima pada tahun 2016 kepada Jawatankuasa CEDAW. Laporan tersebut telah dibentangkan pada Sesi ke-69 Jawatankuasa CEDAW pada 20 Februari 2018. Susulan daripada itu, Jawatankuasa CEDAW telah meminta Malaysia menghantar laporan bagi empat Concluding Observations yang merangkumi *Constitutional and Legislative Framework, Female Genital Mutilation, Refugee and Asylum-Seeking Women* dan *Refugee and Asylum-Seeking Women*. Selanjutnya, Malaysia telah mengemukakan Laporan susulan bagi empat Concluding Observations tersebut pada bulan Disember 2020.

Buat masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang giat menyediakan Laporan Berkala CEDAW Keenam Malaysia dan masih menepati garis masa sasaran kerja yang telah dijadualkan.

Laporan yang disediakan ini melalui pelbagai sesi libat urus dengan kementerian dan agensi serta Pertubuhan Bukan Kerajaan sejak tahun 2020. Draf laporan CEDAW ini sedang dalam semakan akhir dan akan dipanjangkan kepada Jabatan Peguam Negara dan seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN  
[ ROMPIN ]**

**TARIKH : 9 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini berkaitan kes aduan keganasan rumah tangga dan inisiatif yang dilaksanakan dalam membendung dan membantu individu yang terkesan dalam hal ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kes keganasan rumahtangga yang telah dilaporkan dan dibuka kertas siasatan **sepanjang tahun 2021 adalah sebanyak 7,468 kes**. Peningkatan sebanyak 42% berbanding 5,260 kes yang dilaporkan pada tahun 2020.

Manakala, sebanyak 3,028 panggilan melibatkan kes keganasan rumahtangga diterima melalui Talian Kasih 15999 bagi tempoh Januari hingga Disember 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 974 panggilan dikategorikan sebagai aduan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat mengambil berat dan prihatin terhadap mangsa keganasan rumah tangga. Oleh itu menerusi Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521], Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara inisiatif yang telah dijalankan dan masih diteruskan adalah seperti berikut:

**1) Talian Kasih 15999**

KPWKM telah memperluaskan usaha mempromosikan perkhidmatan aduan atas talian melalui “Talian Kasih 15999” dan aplikasi WhatsApp 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat bagi mengemukakan aduan, mendapatkan khidmat nasihat serta mengakses bantuan dan sokongan yang disediakan oleh KPWKM termasuk perkhidmatan psiko-sosial dan berperanan sebagai pusat rujukan, tempat untuk mendapatkan *immediate relief* seperti kaunseling dan perlindungan sementara sebelum mereka dirujuk kepada pihak-pihak yang berkaitan.



**2) Mesyuarat Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga**

Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT) diwujudkan pada tahun 2019 sebagai platform menyelaraskan usaha menangani keganasan rumah tangga secara bersama oleh agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di bawah payung JKRT dalam mendepani isu keganasan rumah tangga terutamanya semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**3) Program Advokasi dan Psikososial**

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menjalankan pelbagai program advokasi sepanjang tahun. Program ini menyediakan perkhidmatan kaunseling secara atas talian dan melaksanakan program psikopendidikan melalui DeStress Clinic, Klinik Undang-Undang, Wanita Anti Jenayah dan program Sukarelawan Skwad Waja (sejak tahun 2021).

**Skuad WAJA** memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita serta membantu mangsa untuk merujuk kes kepada pihak yang berwajib dan mendapatkan pertolongan profesional. Program ini dilihat dapat membantu komuniti dalam memberi kesedaran mengenai kepentingan menangani isu-isu jenayah. Sukarelawan Skwad WAJA melaksanakan pelbagai aktiviti psikososial dalam komuniti meliputi bimbingan, nasihat dan rujukan kepada pihak-pihak berkaitan.

**4) Perkhidmatan Kaunseling dan Psikososial**

Perkhidmatan kaunseling / tele-kaunseling dan psikososial melalui agensi KPWKM iaitu Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menyediakan perkhidmatan kaunseling motivasi kepada masyarakat, khususnya ibu tunggal, wanita, remaja, mangsa keganasan dan lain-lain. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh kaunselor di negeri dan daerah bagi membantu mereka yang memerlukan.

**5) Bantuan Sokongan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat**

JKM turut menyediakan bantuan sokongan kepada wanita seperti Tabung Bantuan Segera, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Bakul Prihatin tertakluk kepada kelayakan dan syarat bantuan tersebut.

**6) Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)**

- a. PSSS ditubuhkan sebagai inisiatif untuk menangani isu keganasan rumah tangga dan masalah sosial.
- b. PSSS ini juga berperanan sebagai pusat rujukan khusus di peringkat komuniti kepada semua lapisan masyarakat.
- c. Perkhidmatan PSSS ini disediakan secara bergerak (mobile) dan tetap di premis.

**7) Penyediaan Tempat Selamat / Tempat Berlindung / Rumah Perlindungan**

- a. Penempatan sementara di **Tempat Selamat**, sekiranya diperlukan oleh mangsa. Tempat Selamat di bawah kendalian kerajaan beroperasi sepanjang tempoh penularan pandemik COVID-19. Sehingga kini terdapat 42 Tempat Selamat yang telah diluluskan oleh Menteri di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521];
- b. Penempatan sementara di dua (2) buah **Tempat Berlindung** di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), sekiranya diperlukan oleh mangsa;
- c. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

telah mewujudkan **pusat Transit Keganasan Rumah Tangga di masjid;**

- d. **Mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan/ *Emergency Protection Order* (EPO), Seksyen 3A Akta 521;**
- e. **Membantu mendapatkan Perintah Perlindungan Interim / *Interim Protection Order* (IPO), Seksyen 4 Akta 521 daripada Mahkamah; dan**
- f. **Membantu mendapatkan Perintah Perlindungan *Protection Order* (PO), Seksyen 5 Akta 521 daripada Mahkamah.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 9 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perkembangan terbaru tentang penggubalan undang-undang yang menghalang perkahwinan bawah umur. Apakah Kementerian akan meneruskan Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang dilancarkan dalam Januari 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan menggerakkan usaha menyelaraskan perundangan berkaitan di negara ini dengan menetapkan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun. Penyelarasan perundangan berkaitan penetapan had umur perkahwinan kepada 18 tahun ini merupakan strategi jangka masa panjang (2020-2025) di bawah Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Suka untuk saya nyatakan juga bahawa Kementerian ini sentiasa mengadakan perbincangan dan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dalam usaha memastikan penambahbaikan perundangan yang berkaitan dengan penetapan had umur minimum perkahwinan bagi orang Islam.

Manakala, bagi perkahwinan bukan Islam pula, undang-undang sedia ada telah memperuntukkan dengan jelas mengenai had umur minimum pendaftaran perkahwinan bagi kedua-dua lelaki dan perempuan adalah 18 tahun. Namun begitu, Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan terus berusaha untuk menambahbaik dan memperketatkan prosedur permohonan perkahwinan bawah umur sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam usaha mengekang perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan program di bawah Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Pelan strategi ini mengambil kira pelbagai sudut pandang termasuklah dari aspek pendidikan, advokasi, kesihatan, pengukuhan institusi keluarga, dan sokongan ke atas sosioekonomi masyarakat. Menaikkan had umur perkahwinan kepada 18 tahun bukan satu-satunya penyelesaian bagi menghalang perkahwinan bawah umur daripada terus berlaku. Ini kerana punca perkahwinan bawah umur bukan sahaja perlu ditangani melalui perundangan, malahan perubahan dasar dan pelaksanaan program serta aktiviti kesedaran. Pada masa yang sama juga, Jawatankuasa Pemandu

## **SOALAN NO. : 51**

yang ditubuhkan akan terus memainkan peranan untuk memantau pelaksanaan dan perkembangan program yang dirancang.

Saya berpandangan bahawa Pelan ini seharusnya diusahakan secara kolektif supaya isu perkahwinan bawah umur dapat dikawal daripada terus berlarutan dan seterusnya memberi kehidupan lebih baik demi masa depan kanak-kanak. Justeru itu, saya menyeru sokongan dan komitmen berterusan daripada semua pihak berkepentingan termasuklah di peringkat akar umbi bagi menjayakan pelaksanaan program dan tindakan di bawah Pelan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 9 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan:**

- a) bilangan perkahwinan bawah umur 18 dari tahun 2015 sehingga kini mengikut pecahan umur pasangan lelaki dan perempuan, negeri, kaum dan agama dan permohonan mahkamah sivil, Syariah dan mahkamah adat di Sabah dan Sarawak; dan
- b) sejauh manakah perkembangan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik perkahwinan bawah umur yang direkodkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2016, sebanyak 2,288 kes telah direkodkan dengan tiga (3) negeri mencatatkan jumlah tertinggi iaitu Sabah sebanyak 444 kes, dengan pecahan 56 kes lelaki dan 388 kes perempuan, diikuti oleh negeri Pahang dengan 391 kes, dengan pecahan 56 kes lelaki dan 335 kes bagi perempuan serta negeri Johor dengan 252 kes, dengan pecahan sebanyak 20 kes bagi lelaki dan 232 kes perempuan.

Manakala pada tahun 2017, sebanyak 2,107 kes telah direkodkan dengan tiga (3) negeri mencatatkan jumlah tertinggi iaitu negeri Pahang 318 kes, dengan pecahan 45 kes lelaki dan 273 kes bagi perempuan, diikuti dengan negeri Sabah sebanyak 300 kes, dengan pecahan 39 kes lelaki dan 261 kes perempuan serta diikuti dengan negeri Johor sebanyak 235 kes, dengan pecahan sebanyak 17 kes lelaki dan 218 kes perempuan.

Bagi tahun 2018 pula, sebanyak 1,856 kes direkodkan dengan tiga (3) negeri mencatatkan jumlah tertinggi iaitu negeri Sabah sebanyak 344 kes dengan pecahan sebanyak 40 kes lelaki dan perempuan sebanyak 304 kes. Diikuti dengan negeri Pahang sebanyak 279 kes dengan pecahan sebanyak 39 kes bagi lelaki dan 240 kes bagi perempuan serta yang ketiga adalah negeri Johor dengan 202 kes dengan pecahan sebanyak 16 kes lelaki dan perempuan sebanyak 186 kes direkodkan.

Seterusnya bagi tahun 2019, sebanyak 1,466 kes telah direkodkan dengan tiga (3) negeri mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu Sabah sebanyak 255 kes, dengan pecahan sebanyak 35 kes lelaki dan 220 kes bagi perempuan, diikuti oleh Pahang 224 kes dengan pecahan sebanyak 24 kes lelaki dan 200 kes bagi perempuan serta negeri Perak sebanyak 185 kes dengan pecahan sebanyak 28 kes lelaki dan 157 kes perempuan telah direkodkan.



